

19 JANUARI 2018

Macam serbu kedai pastri

8

NASIONAL

Macam serbu kedai pastri

NORMAWATI ADNAN

IPOH - Ibarat serbuan di sebuah kedai pastri apabila beberapa peralatan seperti alat penimbang, besen, ketuهار dan mesin pengadun disita dalam operasi di sebuah rumah kedai di pekan Jelapang, kelmarin.

Semua peralatan itu sebenarnya digunakan bagi aktiviti memproses dadah, dipercayai jenis heroin oleh sindiket sejak dua bulan lalu untuk pasaran di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

Ketua Polis Perak, Datuk Hasnan Hassan berkata, aktiviti sindiket itu berjaya dibongkar hasil maklumat orang awam yang membawa kepada serbuan, kelmarin.

Menurutnya, dalam operasi bermula jam 12 tengah hari hingga 11 malam itu, polis melancarkan tujuh serbuan secara besar-besaran di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.

Katanya, serbuan itu berjaya memberkas enam lelaki warga tempatan termasuk dalang kegiatan itu, seorang wanita tempatan dan seorang lelaki Sri Lanka, dipercayai ahli sindiket terbabit.

"Kumpulan ini menjalankan kegiatan *open order* (pesanan terbuka), ambil pesanan bekalan dadah daripada mana-mana kumpulan dan proses di makmal



Hasnan menunjukkan dadah dirampas dalam serbuan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak, semalam.

ini sebelum dipasarkan.

"Kesemua lapan yang ditahan tiada pertalian keluarga dan beroperasi tanpa berselindung di sebalik perniagaan berlesen.

"Untuk serbuan kali ini, kita berjaya rampas pelbagai jenis dadah dengan befat keseluruhan hampir 93kg, peralatan dan bahan kimia digunakan untuk memproses dadah serta sitaan harta bernilai keseluruhan RM1.03 juta," katanya pada si-

dang media, semalam.

Beliau berkata, serbuan pertama di makmal terbabit berjaya menahan lima suspek dan menemui 2.67kg heroin base, 3.42kg heroin no 3 dan 56.9kg kafein.

Operasi kemudian membawa kepada serbuan di sebuah rumah milik seorang daripada suspek di Taman Puncak Jelapang, membawa kepada penemuan 30kg ganja di dalam but kereta.

"Berdasarkan maklumat, tiga

lagi ahli sindiket terbabit diberkas di kedai kopi di Damansara. Kita juga sita beberapa peralatan dan barangan dalam operasi di Negeri Sembilan," katanya.

Katanya, wang tunai, empat kereta antaranya Toyota Camry dan Honda Civic serta tiga motosikal hampir RM500,00 dirampas.

Hasnan berkata, semua suspek berusia antara 22 hingga 47 tahun itu direman enam hari hingga 23 Januari ini.